

29/07/1999

Kekuatan selepas pilihan raya jamin keutuhan negara

Mahadzir Mohd Khir

WALAUPUN dua peristiwa antarabangsa berlangsung di Langkawi dan Singapura, beberapa hari lalu, tetapi cakap-cakap umum masih tertumpu kepada politik kepartian dan pilihan raya. Peristiwa di Langkawi ialah pertemuan Dialog Antarabangsa Langkawi ke-4 (LID 99) yang disertai negara-negara Selatan. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri berperanan dalam sesi dialog dan kemudian diikuti dengan pertemuan pemimpin seperti Presiden, Timbalan Presiden dan duta-duta dari negara-negara Afrika dan Asia. Semuanya mahu belajar daripada pengalaman Malaysia, khususnya dari segi pemulihan ekonomi.

Manakala di Singapura pula Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar mengetuai rombongan Malaysia dalam pertemuan Menteri-Menteri Luar Asean. Di samping pertemuan itu, dialog diadakan dengan kuasa-kuasa ekonomi besar seperti Amerika Syarikat dan negara-negara maju lain. Syed Hamid masih bertegas dengan pendirian Malaysia dan pandangan Asean mengenai pertumbuhan ekonomi di negara-negara Asean. Ini termasuk mengutarakan perbincangan mengenai tuntutan kepulauan Spratly sebagai kawasan bebas campur tangan asing. Asean menurutnya, masih mampu menyelesaikan sendiri sebarang masalah yang wujud. Beliau menunjukkan kemampuannya sebagai Menteri Luar dalam melanjutkan kesinambungan tradisi Dasar Luar dan diplomasi Malaysia yang sebelum ini diterajui Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Selanjutnya Malaysia dalam Asean hari ini kian menyerlah sebagai aktor berkebolehan dalam politik antarabangsa.

Parlimen pula masih bersidang. Manakala liputan media elektronik dan cetak banyak memuatkan berita 'tembak menembak' parti-parti politik sebagai penjelasan masing-masing mengenai isu-isu tertentu yang mungkin diseret sehingga pilihan raya nanti. Kalau dapat diandaikan, semua parti politik sedang membina dan mengumpul 'senjata' masing-masing untuk kegunaan dalam kempen pilihan raya nanti. Masing-masing dengan kepantasan jawab-menjawab sebagai menangkis serangan pihak lawan. Sedang rancak ialah antara Pas dengan Umno.

Tumpuan di Kelantan mula dirasai dengan agenda utama. Pas mengadakan satu perhimpunan di Stadium Sultan Muhammad. Di samping itu pemecatan Datuk Kamarudin Jaafar, yang pernah memegang jawatan Ketua Umno Bahagian Tumpat dan penyertaannya dalam Pas, dianggap sebagai markah tambahan kepada kempenya. Upacara penyertaan Kamarudin dijadikan pentas membidas Dr Mahathir yang pernah satu masa dulu diakuinya sebagai pemimpin Umno. Mungkin kepada Pas ini sebagai peluang terbuka untuk membidas kepemimpinan Dr Mahathir.

Kepada Umno pula penyertaan Kamarudin ke dalam Pas tidak mempunyai sebarang kesan besar, walaupun Kamarudin pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Tun Ghafar Baba ketika beliau menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri. Kamarudin juga dikatakan kawan rapat Datuk Seri Anwar Ibrahim dan penyertaannya dalam Umno meletakkan dirinya sebagai ahli korporat dan memperolehi pelbagai projek. Tindakan Kamarudin tidak mengejutkan mana-mana pihak. Umno sendiri, sebelum ini dapat meramalkan pendirian Kamarudin selepas kes Anwar. Oleh itu penyertaannya ke dalam Pas tidaklah mengejutkan. Dengan kata lain Umno tidak menaruh sebarang kebimbangan menjelang pilihan raya berikutan keputusan Kamarudin itu.

Sebelum ini, lawatan Dr Mahathir ke Kelantan dan kenyataan yang dibuatnya ketika lawatan itu terus diberi perhatian. Lawatan itu juga berakhir dengan dua peristiwa penting. Pertama ialah peristiwa apologia

atau pohon maaf Tengku Razaleigh Hamzah kepada Dr Mahathir mengenai peristiwa 1987 yang dibuat secara terbuka. Tindakan Razaleigh itu membawa maksud yang mendalam, bukan saja kepada mereka berdua, tetapi juga kepada umum. Begitu juga dengan penerimaan dan penjelasan Dr Mahathir sendiri dapat dianggap tidak berbau politik, kerana semuanya berlaku secara spontan. Ini dapat memberi keyakinan kepada bekas Parti Melayu Semangat 46 (S46) dalam penyertaan mereka semula ke dalam Umno, membenam permusuhan lama serta meningkatkan keyakinan untuk menguasai semula Kelantan.

Peristiwa kedua ialah pertemuan Dr Mahathir dengan Sultan Kelantan serta menjadi tetamu Sultan pada majlis makan tengah hari. Kedua-dua pihak memberi pengertian kepada politik Kelantan. Dari satu sudut ia membawa maksud hubungan istana Kelantan dianggap rapat semula dengan Kerajaan Pusat. Malah Dr Mahathir sendiri menyatakan keprihatinan Sultan Kelantan mengenai pembangunan di Kelantan yang agak terkebelakang. Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan perincian perbincangan kerana menghormati institusi Kesultanan yang tidak berpihak dalam politik Kelantan. Oleh itu, erti pertemuan berkenaan dibiarkan kepada umum untuk mereka tafsirkan sendiri. Bagaimanapun, yang nyata pertemuan itu menjadi tanda pemulihan isu-isu lama antara Pusat dan Kelantan khususnya isu yang berbangkit dalam pilihan raya 1990 dan 1995 yang mana Pas dan bekas S46 berperanan dalam persaingan antara Angkatan Perpaduan Ummah (Apu) dengan Barisan Nasional (BN). Di samping itu ia juga sebagai pengakuan Pusat untuk bekerjasama dalam usaha memulihkan pembangunan Kelantan.

Langkah pertama yang dilakukan oleh Dr Mahathir ialah memberi jaminan kerajaan Pusat akan berperanan secara aktif dalam pembangunan Lapangan Terbang Kota Bharu. Usaha ini sebagai langkah meningkatkan kedudukan Kelantan sebagai pintu masuk melalui udara dalam usaha menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Jelasnya, persediaan infrastruktur dirancang dengan mengambil kira pertumbuhan dan perkembangan pelbagai sektor ekonomi, termasuk kedudukan Kelantan dari segi geografinya di sebelah utara Pantai Timur yang strategik dan berpotensi.

Mesej lain yang boleh diterjemahkan ialah mengenai persaingan politik kepartian yang mungkin tidak akan selesai sekiranya diuruskan kepada 'main-politik' tanpa mengambil kira peranan dan fungsi Kerajaan. Di samping itu apakah mesej pada keseluruhannya dalam konteks pengertian hubungan negeri dan Pusat dalam sistem Persekutuan. Di satu pihak, kerajaan negeri dan di satu pihak kerajaan Pusat dan hubungan baik antara kedua-dua pihak dapat menentukan potensi pembangunan Kelantan. Isu-isu kecekapan serta kemampuan kedua-dua kerajaan yang dianggap penting bukan isu kecil dalam proses kempen pilihan raya akan datang.

Secara rasionalnya sama ada kerajaan Pusat atau negeri, ia boleh dijadikan isu perbincangan yang lebih serius, tetapi ia hanya boleh ditentukan selepas pilihan raya nanti. Proses pilihan raya itu yang akan memberi keputusan dan membuat penentuan.

Dalam kes Kelantan, persaingan hebat dalam proses itu ialah antara Pas dan Umno. Pas kini mem-bentuk kerajaan, tetapi kekuatannya sedikit sebanyak terjejas dengan kemasukan bekas S46 ke dalam Umno. Razaleigh sebagai Ketua Perhubungan Kelantan, akan membuktikan sejauhmana pilihan raya kali ini akan berperanan untuk menentukan majoriti kerusi Umno/BN Kelantan bagi membolehkan penubuhan kerajaan Kelantan. Mungkin Razaleigh lebih fokus kepada perebutan di Kelantan, tetapi bagaimana agenda Pas yang bukan saja untuk mempertahankan Kelantan malah peluasan Pas ke negeri Utara lain seperti Perlis, Kedah dan Terengganu?

Apakah tidak mungkin Pas kali ini terpaksa membuat penentuan dari segi agendanya, iaitu menilai semula keutamaannya kerana Kelantan bukan lagi seperti keadaan 1990 dan 1995. Pada masa yang sama terdapat rasa tidak puas hati di kalangan ahli-ahli Pas di peringkat bawah. Ia mungkin

dianggap remeh, seperti penubuhan 'Pas Baru' dan peristiwa Besut, tetapi tidakkah mungkin perkara remeh ini akan bertukar jadi besar yang boleh bermasalah dalam menghadapi pilihan raya nanti.

Mungkin 'pertempuran' antara Pas dan Umno di Kelantan secara umumnya dianggap agak sengit, tetapi peluasan Pas ke negeri-negeri lain boleh juga dipersoalkan. Pertamanya kerana kemampuan jentera pilihan rayanya kali ini mungkin terbatas kerana seperti yang dinyatakan senario politik 1990 dan 1995 sudah berubah. Walaupun usaha pakatan pengundi dilakukan dengan DAP, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM), pada satu peringkat dianggap menambah kekuatan, tetapi mungkin juga akan membawa permasalahan antara komponen dalam pakatan menjelang pilihan raya. Dulunya sebahagian besar kekuatan datang dari bekas S46, tetapi kali ini di Kelantan saja sudah tidak semudah dulu.

Melihat daripada perkembangan politik Kelantan, LID dan Asean, pokoknya ialah penubuhan kerajaan selepas pilihan raya. Sebenarnya pilihan raya hanyalah sebagai satu proses bagi menjamin kedaulatan warganegara dalam membuat pilihan dalam sistem yang demokratik, tetapi penentuan terakhir ialah pembentukan kerajaan Pusat dan negeri. Hanya dengan kekuatan selepas pilihan raya yang boleh menjamin survival Malaysia dalam politik antarabangsa yang serba mencabar. Ucapan Dr Mahathir mengenai Globalisasi dalam dialog LID, menimbulkan soalan siapa tentu siapa - nasional atau internasional.

* Prof Madya Mahadzir Mohd Khir ialah pensyarah di Universiti Malaya.

(END)